



**MUSA** (empat dari kiri) memberikan penghormatan terakhir kepada mendiang Tan Sri Henry, bersama Raymond (dua dari kiri), Edward (kiri), isteri mendiang Puan Sri Shirley Cheng Hua Chien (tiga dari kanan), anak lelaki mendiang Chin Chi Ling Alexander (tiga dari kiri), anak perempuan mendiang Melissa Chin Fui Yee Anak (empat dari kanan) dan Datin Mary (dua dari kanan) di rumah pengkebumian Fook Lu Siew, pagi kelmarin.

# Tan Sri Henry sentiasa utamakan komitmen: Musa

UB 26.10.2016

A3

**KOTA KINABALU:** Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman berkata mendiang Tan Sri Henry Chin sentiasa mengutamakan komitmen, dedikasi dan disiplin ketika dalam perkhidmatan awam.

“Bagi pihak keluarga, saya ingin mengucapkan

takziah kepada keluarga mendiang di atas kehilangan mereka,” katanya ketika hadir memberikan penghormatan terakhir kepada mendiang Tan Sri Henry, kelmarin.

Beliau berkata meskipun sudah bersara sebagai Ketua Polis Kuala Lumpur, mendiang sentiasa aktif dalam kegiatan sosial dan pendidikan, ahli

lembaga Universiti Malaysia Sabah (UMS), terlibat dengan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia dan merupakan anggota utama dalam Suruhanjaya Diraja (RCI) mengenai pendatang asing di Sabah.

“Kita telah kehilangan seseorang yang sentiasa sudi menyumbangkan masa dan

usaha, seseorang yang sangat disukai ramai,” katanya.

Turut hadir di majlis pengkebumian itu ialah Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pembangunan Perindustrian Datuk Seri Raymond Tan dan Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Datuk Edward Yong Oui Fah.